

**PM Bawa Harapan Politik Bagi Rakyat Malaysia – Salleh Bernama
13 Julai, 2012**

TONGOD (Sabah), 13 Julai (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Seri Salleh Said Keruak hari ini melancarkan jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di Kinabatangan, dan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah membawa harapan politik bagi rakyat Malaysia.

Beliau berkata Najib telah membuktikan kewibawaannya dalam menerajui pentadbiran negara dengan memperkenalkan banyak inisiatif, yang paling menyerlah ialah agenda transformasi negara dan konsep gagasan 1Malaysia.

"Walaupun Najib mengambil alih pucuk pimpinan negara kira-kira empat tahun lepas, inisiatif yang dilaksanakan beliau telahpun membuahkan hasil dan rakyat Malaysia umumnya gembira dengan pentadbiran beliau," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran itu di sini.

Turut hadir ialah anggota Parlimen Kinabatangan Datuk Bung Mokhtar Radin dan anggota Dewan Undangan Negeri Kuamut, Masiung Banah.

Salleh, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, berkata: "Saya percaya dengan pendekatan baru politik kesederhanaan yang dilaksanakan oleh Najib, dan dengan kebanyakan masalah rakyat telah didengari dan diatasi, Barisan Nasional berada di landasan betul untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang".

Salleh berkata fokus perdana menteri dalam menjamin keamanan, pembangunan dan demokrasi di negara ini juga akan membantu untuk memenangi hati dan sanubari rakyat.

Beliau juga berkata jentera pilihan raya BN Sabah kini sudah bersiap sedia untuk digerakkan untuk pilihan raya umum ke-13.

Salleh menggesa rakyat agar tidak terpedaya dengan isu-isu yang dimainkan oleh pembangkang terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, dan sebaliknya terus memberikan sokongan padu kepada kerajaan BN untuk memastikan masa depan lebih baik untuk mereka.

-- BERNAMA

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680323>